

# TAZKIRAH

## Kesalahfahaman Kerap Wanita Tentang Aurat

**KESALAHAN PERTAMA :** Aurat itu adalah memakai tudung sahaja.

**KESALAHAN KEDUA :** Bertudung tapi ber't-Shirt' berlengan pendek.

**KESALAHAN KETIGA :** Bertudung tetapi baju kebarungnya terbelah kain.

**KESALAHAN KEEMPAT :** Bertudung tetapi bajunya sendat, sempit dan nipis lalu memaparkan bentuk kawasan-kawasan mudah 'menggoda'.

**KESALAHAN KELIMA :** Bertudung tetapi amat longgar dan menyangkan jambul dan hujung rambutnya.

**KESALAHAN KEENAM :** Bertudung tetapi hanya memakainya di pejabat sahaja. Tidak di sekitar rumah, pasaraya dan sebagainya.

**KESALAHAN KETUJUH :** Bertudung tetapi tudungnya dilempar ke belakang leher, maka terdedahlah dadanya dari ditutupi kain tudung.

**KESALAHAN KELAPAN :** Bertudung tetapi dengan tudung yang amat nipis sehingga boleh dilihat sanggul, leher, tengkuk dan dadanya.

Sebahagian wanita menyangka bahawa tutup aurat tu adalah tutup rambut sahaja. Ia adalah tidak tepat sama sekali. Asasnya adalah dari firman Allah SWT ertinya :

"Hendaknya mereka melabuhkan tudungnya sampai ke dadanya, dan **JANGANLAH KAMU MENDEDAHKAN AURAT DAN PERHIASAN KAMU** kecuali apa yang terzahir." (an-Nur: 31)

Pengertian khumur (tudung), iaitu semua alat yang dapat dipakai untuk menutup kepala. Sedang apa yang disebut 'juyub' kata jama' (bentuk plural) dari kata jaibun, yaitu belahan dada yang terbuka, tidak tertutup oleh pakaian/baju.

Setiap perempuan Islam wajib menutup kepalanya dengan tudung dan bahagian dadanya termasuk juga leher, sehingga semua tempat-tempat yang boleh membawa fitnah tertutup dari perkara yang memungkinkan dilihat oleh orang-orang yang jahat hatinya.

**KESALAHAN KESEMBILAN :** Bertudung tetapi menaiki motor sambil menyangkan betis sepanjang jalan.

**KESALAHAN KESEPULUH :** Bertudung dan sempurna penutupan aurat tubuhnya tetapi memanja-manjakan suaranya ketika berinteraksi dengan lelaki.

Samada menyanyi mahupun bernasyid. Tiada dakwah yang sesuai buat wanita menerusi nyanyian kerana sesaat sahaja ia berada di atas pentas dengan pakaian canggihnya, seribu mata lelaki yang memandangnya dan kita tidak tahu dimanakah mata lelaki itu memandang. Suaranya yang merdu juga membuatkan lelaki yang rosak hatinya akan dibuai nafsu, walaupun penasyid wanita itu sedang mendendangkan lagu ketuhanan.

Larangan ini datang dari Firman Allah SWT :

"**Janganlah perempuan-perempuan itu berlaku lemah dengan perkataannya, sebab akan menaruh harapan orang yang dalam hatinya ada penyakit.**" (al-Ahzab: 32)